

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]
TARIKH : 17 NOVEMBER 2015
SOALAN :

YB Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian membantu pesakit yang menghidapi penyakit pneumokokal; dan
- (b) berapakah peruntukan yang diperuntukan untuk vaksin pneumokokal.

Tuan Yang di-Pertua,

Jangkitan pneumokokal hanya akan diketahui setelah spesimen pesakit diambil dan dibuat ujian makmal. Pesakit dengan penyakit pneumokokal lazimnya datang dengan gejala dan tanda-tanda jangkitan saluran pernafasan.

Pesakit yang disyaki atau disahkan dijangkiti bakteria *Streptococcus pneumoniae* akan terus dimulakan rawatan antibiotik seperti *Penicillin*,

cephalosporin, clindamycin, vancomycin, rifampicin dan lain-lain. Pesakit pneumokokal boleh sembuh dengan sempurna sekiranya hadir awal mendapatkan rawatan. Sekiranya pesakit lewat mendapatkan rawatan dan bakteria tersebut telah menjangkiti selaput otak atau darah, maka rawatan yang diberi bergantung kepada presentasi klinikal pesakit. Malah pesakit boleh mendapat komplikasi jangkitan sekiranya bakteria menjangkiti otak. Sekiranya pesakit pulih dengan komplikasi, mereka akan diberi rawatan susulan komprehensif berdasarkan (dengan izin) *sequale* komplikasi.

Buat masa ini vaksin penumokokal tidak termasuk dalam Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan. Vaksin ini hanya diberikan kepada pesakit tertentu sahaja khususnya kes dengan daya ketahanan tubuh terhadap jangkitan penyakit adalah sangat rendah seperti mereka yang telah menjalani pembedahan membuang tonsil dan / atau limpa, kes dengan masalah darah seperti *sickle cell disease* dan lain-lain. Penilaian teliti dan justifikasi akan dilakukan oleh pakar perubatan berdasarkan kes manakala proses perolehan vaksin pula, dibuat berdasarkan keperluan di hospital masing-masing menggunakan peruntukan sedia ada.